

BULETIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 10 2025

F
P
N
S
3



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Modul Bahasa Arab Asas untuk Komunikasi Ibadah Haji dan Umrah bersama Warga Kg. Lonek

Norshida Hashim¹, Syahirah Almuddin¹ dan Mashitah Nordin²

¹Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

² Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Pada 24 April 2025, Akademi Pengajian Bahasa Kampus Kuala Pilah telah mengadakan Program Kemasyarakatan di Kg. Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Persatuan Bahasa Arab telah menjadi fasilitator untuk mengendalikan satu sesi di bawah program tersebut. Sesi ini telah dipimpin oleh Penasihat Persatuan Bahasa Arab iaitu Puan Norshida Hashim dan Dr. Syahirah Almuddin. Program ini berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang dengan penyertaan seramai 40 orang warga Kg. Lonek, manakala fasilitator terdiri daripada 16 orang ahli Persatuan Bahasa Arab.



Tujuan utama program ini adalah untuk melaksanakan modul *University Social Responsibility* iaitu Bahasa Arab Asas untuk Komunikasi Ibadah Haji dan Umrah yang disasarkan khusus kepada warga penduduk Kg. Lonek yang berusia 30 tahun ke atas. Modul ini telah disediakan oleh penasihat Persatuan Bahasa Arab untuk digunakan oleh para fasilitator dalam mengendalikan sesi tersebut. Objektif modul ini ialah untuk memperkenalkan para peserta dengan frasa-frasa asas dalam bahasa Arab yang boleh digunakan dalam situasi penting ketika menunaikan ibadah Haji dan Umrah di Tanah Suci.

Program dimulakan pada jam 7.30 pagi dengan perhimpunan para pensyarah dan para fasilitator di Foyer Blok Pentadbiran UiTM Kampus Kuala Pilah sebelum bertolak ke Kg. Lonek. Para peserta telah tiba di Balai Raya Kg. Lonek sekitar jam 8.30 pagi hingga 9 pagi dan disambut oleh para fasilitator untuk sesi pendaftaran, taklimat ringkas dan sarapan pagi.



Rajah 1: Empat Komponen Utama Modul Bahasa Arab

Modul bahasa Arab dijalankan selama satu jam bermula jam 10 pagi hingga 11 pagi, merangkumi empat komponen utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Pertama, pengenalan kepada salam dan frasa kesopanan seperti “Shukran” (terima kasih), “Afwan” (sama-sama) dan pengenalan identiti negara — “Ana Malaysia”. Seterusnya, peserta memperluaskan kemahiran dalam bertanya arah seperti “Ayna al-Haram?” (Di mana Masjidilharam?), dan seterusnya kepada komunikasi harian seperti bertanya harga (“Bikam?”) dan meminta bantuan (“Hal yungkinuka musa’adati?”). Kemuncaknya, frasa kecemasan seperti “Ana mareedh” (Saya sakit) dan “Faqadtu tareeqi” (Saya tersesat) turut disampaikan.



Untuk mengukuhkan pengajaran, fasilitator mengendalikan sesi lakonan peranan selama 15 minit. Peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil dan berlatih situasi sebenar sebagai peniaga, petugas hotel atau pemandu pelancong. Kaedah ini terbukti efektif dalam meningkatkan penguasaan frasa serta keyakinan peserta, yang diperakui melalui maklum balas langsung fasilitator dan reaksi peserta yang aktif.



Pada akhir sesi, beberapa soalan dikemukakan oleh peserta untuk memperjelas sebarang kekeliruan. Selain itu, risalah yang memuatkan kesemua frasa utama diedarkan sebagai rujukan. Sesi ditutup dengan doa dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, menunjukkan penghormatan terhadap penat lelah fasilitator dan semangat peserta.



Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan positif daripada para peserta. Para peserta di Kg. Lonek menyatakan mereka berasa lebih yakin untuk menggunakan frasa asas Arab ketika berada di Tanah Suci. Mereka juga menghargai pendekatan interaktif dan praktikal yang digunakan, berbanding kaedah hafalan semata-mata.

Bagi para fasilitator pula, program ini memberi pengalaman bermakna dalam pendidikan berasaskan komuniti serta melatih kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Program ini secara tidak langsung memperkukuh peranan Persatuan Bahasa Arab sebagai agen ilmu dan khidmat masyarakat.

Pelaksanaan program *Corporate Social Responsibility* di Kg. Lonek membuktikan bahawa pembelajaran bahasa Arab asas adalah sebahagian daripada proses pembelajaran sepanjang hayat. Walaupun peserta terdiri daripada pelbagai umur 30 tahun ke atas termasuk warga emas, mereka masih bersemangat untuk mempelajari frasa-frasa penting bagi memudahkan urusan ibadah Haji dan Umrah. Kejayaan program ini menegaskan bahawa pembelajaran bahasa Arab untuk orang dewasa perlu menekankan aspek praktikal, interaktif dan berorientasikan pengguna. Kesimpulannya, program sebegini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta, tetapi juga memperkukuh hubungan antara universiti dan masyarakat.